

27 JAN 1997

Hamid-Sosial

KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM AKAN DIROMBAK

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Kurikulum pendidikan Islam negara akan dirombak tidak lama lagi untuk menjadikannya lebih berkesan dalam membantu membanteras gejala sosial di kalangan remaja Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet bagi Membanteras Masalah Sosial yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pagi tadi.

Pusat Islam akan mengendalikan perjumpaan selepas bulan puasa ini bagi membincangkan cara-cara yang berkesan menerapkan sahsiah yang tinggi dan ketahanan diri ke dalam diri pelajar, katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis berbuka puasa bersama-sama anak-anak yatim di Kompleks Darul Kifayah di sini.

Beliau berkata pendekatan baru itu akan memberi tumpuan kepada kaedah dakwah dalam penerangan dan pendidikan Islam dan pendidikan tidak formal di kalangan masyarakat dan orang dewasa.

Di samping itu, Jabatan Kemajuan Islam Jabatan Perdana Menteri akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memperuntukkan kelas-kelas Al-Quran dan fardu ain di sekolah-sekolah.

Dr Abdul Hamid berkata beliau yakin pendekatan baru itu akan berjaya dengan bantuan ibu bapa.

Melalui sistem pendidikan sekarang, walaupun pencapaian pelajar dalam peperiksaan mata pelajaran agama Islam adalah memuaskan, namun ia tidak mencerminkan iltizam seseorang dalam penghayatan agama itu, katanya.

Mesyuarat yang turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu telah mengenal pasti kekurangan ketahanan dalaman bagi muda-mudi sebagai punca merebaknya gejala sosial seperti "punk", bohsia, lepak dan penyalahgunaan dadah di kalangan mereka.

Dr Abdul Hamid berkata pemikiran remaja perlu dialihkan daripada pemikiran barat yang mementingkan hak individu kepada pemahaman Islam yang mengiktiraf hak individu di samping hak masyarakat terhadap individu itu.

Katanya jabatan-jabatan berkaitan bersama-sama Kementerian Pendidikan dengan lebih 52,000 guru agama Islam di seluruh negara akan bekerja keras menggunakan pendekatan dakwah dalam pendidikan Islam formal dan tidak formal bagi mencapai matlamat itu. -- BERNAMA

NI AKD